

Tiada formula ganja dilulus untuk perubatan

BH 3/3/19

➔ Jika ada permohonan, syarikat perlu hantar sampel ubat untuk dinilai

Oleh Nadia Hamid
nnadia@nstp.com.my

▀ Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan mendapati tidak ada formula ubat daripada kanabis yang diluluskan kerajaan untuk tujuan perubatan pada masa ini, kata Timbalan Menteri, Dr Lee Boon Chye.

Beliau juga berkata, tiada sebarang kelulusan terhadap kajian keberkesanan penyelidik tempatan, yang kanabis mampu merangsang pembentukan saraf otak yang sudah mati.

"Setakat ini, tidak ada permohonan formulasi kanabis boleh digunakan (diluluskan) untuk tujuan perubatan," katanya kepada BH.

Boon Chye, bagaimanapun berkata, kementerian sedia meluluskan permohonan ubat daripada kanabis, sekiranya ada, untuk tujuan perubatan.

Sebelum ini, katanya, kementerian pernah menggunakan ubat daripada kanabis milik syarikat asing yang berdaftar dengan kementerian, untuk tujuan perubatan.

"Beberapa tahun lalu kementerian ada meluluskan ubat daripada kanabis, tetapi sudah menghentikan penggunaannya kerana pengeluar menarik balik lesen ubat itu," katanya.

Perlu patuhi tiga syarat

Mengulas produk berasaskan kanabis bagi tujuan perubatan yang boleh diimport, Boon Chye, berkata syarikat perlu mematuhi tiga syarat ditetapkan kerajaan.

"Kalau ada permohonan, syarikat perlu menghantar sampel (contoh) ubat kepada Bahagian Farmasi Kementerian Kesihatan.

"Ubat itu akan dinilai dengan tiga syarat, iaitu sama ada selamat digunakan, terbukti berkesan dan maklumat kegunaan yang jelas. Kalau mematuhi semua syarat, ubat berkenaan boleh didaftarkan," katanya.

Boon Chye menjelaskan beberapa jenis dadah yang boleh diklasifikasikan untuk tujuan perubatan yang ada di pasaran ketika ini, iaitu morfin (ubat bius) dan petidine.

Katanya, ubat berasaskan ganja digunakan doktor untuk tujuan perubatan, walaupun dikategorikan sebagai bahan kimia mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Walaupun disenaraikan sebagai dadah berbahaya, tetapi tidak menghalang (ubat berasaskan ganja) untuk digunakan sebagai ubat.

"Cuma, kementerian mengawal ketat pengeluaran, agihan dan penyimpanan serta penjualan ubat yang disenaraikan mengikut Akta Dadah Berbahaya," katanya.

Boon Chye, berkata kawalan itu termasuk penjualan ubat daripada kanabis hanya boleh berlaku dengan kebenaran atau preskripsi untuk ubat diluluskan daripada doktor berdaftar.

Sebelum ini, Ketua Aktivist Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan, dilaporkan meminta pihak berkuasa menerima penggunaan produk berasaskan ganja yang diimport untuk tujuan perubatan.